

FASAL KEDUA

MUNCULNYA RISALAH-RISALAH AN-NUR

1343H
1926M

BARLA

Ustadz Said Nursi sampai di tempat pengasingannya di Barla, daerah Sparta, di barat Anatolia pada musim dingin 1926M. Pada malam pertama beliau meringkuk di penjara. Kemudian beliau diberi sebuah rumah kecil terdiri dari dua kamar yang menghadap ke arah padang rumput Barla. Kebunnya luas hingga ke danau Igridir.

Di sana sejauh empat perjalanan dari kota, di samping danau yang indah ada dua buah pulau di tengah-tengahnya di mana terdapat gunung Igridir yang diselimuti dengan pohon cemara.

Pada masa itu Turki hidup dalam zaman gelap gelita kerana kediktatoran, kezaliman, permusuhan terang-terangan terhadap agama dan usaha memadamkan cahaya Allah serta memrangi syari'at-Nya atas nama peradaban.

Keadaan ini berlangsung selama seperempat abad iaitu sehingga 1950M. Terdapat niat dan rancangan jahat untuk memutuskan hubungan bangsa Turki dengan Islam hingga ke akar umbinya. Akan tetapi kerana hal ini sukar dilaksanakan, mereka merancang agar generasi yang akan datang tersimpang jauh dari ajaran Islam iaitu dengan mengeringkan semua sumber yang memberi makanan jiwa dan akal dengan Islam dan ajaran-ajarannya.

Mereka melarang pengajaran agama di sekolah-sekolah dan menggantikan huruf Arab dengan huruf Latin serta mengumumkan bahawa negara ini adalah negara sekular. Mereka menubuhkan mahkamah-mahkamah untuk menanamkan rasa takut dan gemar di seluruh negara dan mereka menggantung sampai mati para ulama' dan orang-orang yang ingin melawan penguasa.

Di antara rangkaian memerangi Islam adalah penangkapan Ustadz Badiuzzaman Said Nursi, seorang ulama' yang warak dan sedang beribadah sepenuh masa. Beliau lalu diasingkan ke Barla iaitu sebuah kota kecil dan jauh supaya populariti beliau redup, pengaruhnya hilang dan dilupakan orang sehingga kering sumber Islam yang mencurahkan ini.

Akan tetapi Allah Ta'ala mengkehendaki kota kecil ini menjadi sumber sinar Islam yang menerangi seluruh pelusuk Turki pada masa-masa selanjutnya. Sinarnya sampai ke setiap desa, setiap kota dan setiap pelusuk negara.

Di sana ada mata air di depan rumah kecil – airnya mengalir pada waktu musim panas dan dingin, sebagaimana terdapat di sana pohon pesawat (sycamore) yang besarm

berdiri tegak di depan rumah. Pada waktu musim bunga dan panas, ribuan burung kecil menyanyi di atas dahan-dahannya yang banyak.

Seorang tukang membuat sebuah kamar kecil dari kayu tanpa atap di atas pohon pesawat yang besar tersebut. Ustadz Badiuzzaman banyak menghabiskan masanya di situ pada musim bunga dan musim panas untuk beribadah kepada Allah; berfikir dan bertafakkur serta untuk mengarang risalah-risalah an-Nur sehingga waktu pagi, sering kalinya. Sehingga penduduk Barla tidak tahu, bilakah Ustadz tidur dan bila dia bangun. Tidak ada orang yang melewati pohon itu pada waktu malam yang tenang kecuali pasti mendengar bunyi kumat-kamit ulama; yang sedang beribadah dan bertahajjud itu.

Di kota ini dan di rumah ini Ustadz Badiuzzaman Said Nursi menghabiskan masanya selama lapan setengah tahun. Di situlah beliau mengarang kebanyakan risalah-risalah an-Nur. Jadi rumah ini adalah permulaan “Sekolah an-Nur”.

Ustadz Said Nursi sentiasa sakit. Beliau tiada selera makan. Bahkan boleh dikatakan bahawa beliau menghabiskan umurnya dalam keadaan setengah kenyang setengah lapar. Sehari semalaman beliau hanya makan beberapa potong roti dan minum segelas air. Makanan tersebut datang dari salah seorang jirannya. Beliau selalu membayar harga makanan tersebut kerana prinsip yang dilaksanakan sepanjang hidupnya adalah tidak mengambil sesuatu tanpa balasan. Beliau membiayai hidupnya dengan lira emas tabungannya dan dengan cermat serta berkat Ilahi.¹

Agan-agen pemerintah sentiasa mengintai Ustadz Said Nursi dan mengawasi segala gerak-gerinya di Barla. Oleh kerana itu penduduk di sana tidak mengdekatinya dan tidak banyak bercakap dengannya sehingga beliau banyak menghabiskan waktunya di rumah atau keluar pada waktu musim bunga dan panas ke pergunungan Igridir. Di sana,

¹ Ustadz Said Nursi menceritakan tentang dirinya sendiri dalam risalah “al-Iqtisad” sebagai berikut: “Beberapa pemimpin kabilah pergi bersama saya ke Burdur. Mereka meminta saya supaya menerima zakat mereka agar saya tidak menjadi hina dan memerlukan kerana saya mempunyai sedikit wang. Saya katakan kepada para pemimpin tersebut, “Meskipun wang saya amat sedikit akan tetapi saya mempunyai sifat berjimat cermat dan saya sudah biasa dengan qa’naah. Jadi saya sebenarnya jauh lebih kaya dari kalian.” Maka saya menolak permintaan mereka yang terus-menerus itu... Dan perlu diperhatikan bahawa sebahagian dari mereka yang menawarkan zakatnya kepadaku telah dililit hutang dua tahun kemudian kerana tidak berjimat-cermat sedang wang yang sedikit itu cukup bagiku – Alhamdulillah dengan berkat Allah di dalam berjimat hingga tujuh tahun. Air mukaku tidak hina dan tidak mendorong aku untuk melahirkan hajatku kepada manusia. Undang-undang yang kuambil dalam kehidupanku tidak rosak iaitu, “Tidak menyusahkan manusia.” (Dari Asy-Syukr Thamrah al-Hayah wa Ghayah al-Kainat. Pokok keempat dari risalah al-Iqtisad, ms. 23).

di puncak gunung tersebut dan di antara pepohonan, beliau bersendirian untuk bertafakkur dan beribadah.

UZLAH DAN KESEPIAN

Beliau menulis tentang uzlah, kesepian dan keterasingannya pada waktu itu sebagai berikut : “Ketika saya berada di pengasingan saya iaitu penawanan yang memedihkan, saya tinggal seorang diri, terasing dari orang lain di atas puncak gunung Jaam² yang menghadap ke arah rerumputan Barla. Saya mencari cahaya pada uzlah tersebut. Pada waktu malam di bilik kecil tanpa atap yang dipasang di atas pohon cemara yang tinggi itu, zaman ketuaanku meliputi dengan berbagai perasaan keterasingan sebagaimana yang saya terangkan di dalam “al-Maktubat as-Sadis” dengan sejelajelasnya. Pada malam yang tenang tanpa bunyi dan suara apapun kecuali bunyi yang menyedihkan dari lambaian pohon itu, saya merasa bahawa gaung yang memedihkan itu telah menimpa perasaanku yang paling dalam dan menyentuh zaman ketuaanku serta keterasinganku; maka zaman ketuaanku itu membisikku dengan sebuah peringatan, ““ebagaimana siang hari telah bertukar menjadi kuburan yang gelap dan dunia telah memakai kain kafannya yang hitam, demikian pula siang umurmua akan berganti malam, siang dunia akan berubah menjadi malam alam barzakh dan siang musim panas kehidupan akan berganti malam musim panas kematian.” Jiwaku menjawabnya dengan pedih, “Ya, sebagaimana saya sekarang terasing dari negeriku dan jauh dari tanah tumpah darahku, maka perpisahanku dengan orang-orang yang kukasihi pada umurku yang telah mencapai lima puluh tahun dan tidak mampu berbuat apapun kecuali mengalirkan air mata di belakang mereka, perpisahanku itu adalah keterasingan yang melebihi keterasinganku dari tanah tumpah darahku. Dan pada malam ini saya merasa terasing sehingga lebih sedih dan pedih daripada keterasinganku di atas gunung yang dipenuhi dengan keterasingan dan kesedihan ini. Masa tuaku memperingatkan aku akan dekatnya waktu perpisahan terakhir dari dunia dan segala isinya. Di dalam keterasingan yang dipenuhi kesedihan ini dan dari kesedihan yang bercampur kepedihan, saya mulai mencari nur dan cahaya harapan. Tiba-tiba datanglah “iman kepada Allah” untuk menyelamatkan dan

² Jaam Taghi iaitu gunung Sanubar untuk mencapai puncaknya diperlukan empat jam jalan kaki dari Barla.

mengeratkan ikatanku serta memberiku hiburan yang seandainya penderitaan dan kesepianku berlipat ganda, nescaya hiburan tersebut cukup untuk mengubati jiwaku.”(33)

PERMULAAN PERKENALAN

Para penduduk Barla sering melihat Ustadz Said ketika beliau keluar dari rumahnya menuju ke gunung atau kembali ke rumahnya dari gunung tersebut. Tidak seorang pun dari mereka yang berani menegurnya. Beliau adalah orang yang tidak disukai oleh para penguasa, jadi mengapa membuat masalah dengan para penguasa sedang mereka tidak memerlukannya?! Akan tetapi... pada suatu hari, di waktu musim panas, Ustadz Said keluar dari rumahnya menuju ke gunung seperti biasa. Cuaca cerah dan matahari pun bersinar terang. Namun bergitu, Ustadz Said sampai ke puncak gunung tiba-tiba langit diliputi dengan mendung hitam yang memberi peringatan akan kemunculan angin taufan. Dan benar; langit kilat dan petir sambar-menyambar lalu hujan turun dengan lebatnya. Ustadz Said berada seorang diri di atas puncak gunung itu. Beliau tidak mempunyai tempat berlindung dari air hujan yang mencurah-curah selain pepohonan yang tidak cukup untuk melindungi diri dari basah. Setelah beberapa lama kemudian, hujan mulai reda dan turun rintik-rintik. Ustadz segera menggunakan kesempatan itu untuk kembali ke rumahnya. Sekujur tubuhnya basah kuyup. Di jalan kasutnya koyak. Maka beliau lalu masuk ke desanya sambil membawa kasutnya itu dengan tangan dan berjalan melalui lumpur dengan kakinya yang putih.

Berhampiran mata air ada beberapa penduduk Barla yang sedang berkumpul dan berbual. Mereka menyaksikan pemandangan yang menakjubkan itu. Pemandangan seorang ulama' besar yang disegani dan ditinggalkan dari tanah airnya, seorang diri... terasing dari semua orang, sedang membawa kasutnya yang koyak dengan tangannya dan berjalan melalui tanah liat dengan kakinya sehingga hujung pakaiannyapun berliputan tanah liat. Para penduduk itu terdiam. Dua perasaan saling tarik-menarik di dalam diri kebanyakan mereka. Perasaan ingin segera menolongnya dan perasaan takut terhadap agen-agen penguasa yang sering mengawasi setiap gerak-gerinya. Akhirnya salah seorang dari penduduk itu tampil. Namanya Sulaiman. Dia mengambil kasut Ustadz dan membrsihkannya di danau kemudian dia mengiringi beliau sehingga sampai ke rumahnya dan masuk bersama beliau ke dalam kamarnya. (34)

Ini adalah permulaan kenalan. Selepas itu Sulaiman menjadi murid setia Ustadz. Dia membantu dan menolongnya serta berguru dengannya selama lapan tahun. Dialah penghubung pertama antara Ustadz dengan orang lain. Kemudian murid-murid Ustadz pun bertambah banyak. Beliau segera menyebarkan risalah-risalahnya yang diberi gelaran “Risalah-risalah an-Nur” secara bersembunyi dan semakin bertambahlah kelompok pengajian Ustadz. Mereka mengkaji risalah-risalah an-Nur lalu menulisnya semula dan menyebarkannya ke seluruh pelusuk Turki dengan menanggung akibat perbuatan ini iaitu ditangkap, diusir dan disiksa dengan rela hati.

RISALAH-RISALAH AN-NUR

Pada tahun-tahun gelap itu Islam mendapat goncangan yang hebat di Turki. Perang melawan Islam dipimpin oleh pemerintah dengan segala alat propaganda dan media massa yang dimilikinya dan dengan pena orang-orang munafik, para penjilat dan musuh-musuh Islam dari kalangan para penulis dan wartawan. Pada waktu yang sama, mulut para dai’e disumbat dan dihalang dari membela akidah mereka. Asas islam dan prinsip dasarnya telah diserang dengan keraguan dan pengingkaran di dalam diri kebanyakan pemuda yang tidak mendapat pembimbing dan pendidik. Melihat kondisi itu, Ustadz Said Nursi mengambil keputusan untuk memikul amanah besar tersebut di atas bahunya dan beliau berusaha untuk “menyelamatkan iman” di Turki.

Ya, menyelematkan iman adalah masalah utama yang tidak boleh ditangguhkan dan dilalaikan. Beliau membetulkan persepsi orang terhadap dirinya yang telah dipalsukan oleh para penguasa yang menegaskan bahawa beliau adalah seorang syaikh tarekat sufi. Kata beliau, “Saya bukan seorang syaikh sufi. Sekarang bukan waktu tarekat sufi akan tetapi waktu menyelamatkan iman.” (35) Kita melihat bahawa risalah pertama yang beliau karang adalah risalah “al-Hasyr” kerana masalah kebangkitan dan kewujudan hari kiamat serta hari kebangkitan semula (di padang mahsyar) telah dikelirukan persepsinya oleh para penguasa sehingga seolah-olah ia hanyalah khurafat atau cerita dongeng yang tiada sandaran bukti akal atau ilmiahnya. Ustadz telah menerangkan di dalam risalah ini mengenai masalah kebangkitan dan pengumpulan semula dengan berilhamkan Asma’ al-Husna (99 Nama Allah) seraya memberikan pandangan yang hampir dengan penglihatan manusia dan kehidupannya yang nyata. Antara lain ialah tidur

adalah salah satu macam daripada kmatian dan terjaganya adalah semacam kebangkitan. Tumbuh-tumbuhan layu dan mati tetapi tidak lama kemudian berdaun dan berbunga lagi. Ini adalah proses kebangkitan yang baru yang sentiasa berulang-ulang di depan penglihatan kita, jadi mengapa kita perlu hairan terhadap kebangkitan pada hari kiamat?

Penulisan risalah-risalah an-Nur dan penerbitannya adalah sesuatu yang istimewa di dalam sejarah da'wah Islamiah moden. Hai ini kerana Ustadz Said Nursi tidak menulis kebanyakan risalahnya dengan tangannya sendiri kerana beliau adalah separa buta huruf dari segi kemampuan menulis. Beliau menuturkan risalah-risalahnya kepada beberapa muridnya pada waktu-waktu semangat rohani dan perasaannya berkobar. Setelah itu, teks asli tersebut tersebar di kalangan murid-muridnya dan selanjutnya mereka salin dengan tangan. Kemudian teks-teks tersebut dikembalikan kepada beliau untuk ditelitinya satu-persatu dan dibetulkan jika salah.³ Beliau tidak mempunyai sebarang kitab atau bahan rujukan ketika mengarang selain Al-Qur'an Al-Karim. Dalam hal ini beliau dibantu oleh Allah berupa ingantan yang luar biasa dan kekuatan menghafal yang sangat mengagumkan sehingga ketika menulis risalah-risalah, beliau mengambil daripada khazanah hafalannya terhadap sumber rujukan ilmu-ilmu agama yang telah beliau baca ketika muda dahulu.

CARA MENYEBARKAN RISALAH-RISALAH AN-NUR

Pada waktu itu huruf Arab telah ditukar menjadi huruf Latin. Mencetak dan menerbitkan buku dengan huruf Arab adalah dilarang. Percetakan-percetakan yang menggunakan huruf tersebut telah dimansuhkan. Maka cara menyalin dengan tangan secara rahsia adalah satu-satunya cara yang efektif untuk menyebarkan risalah-risalah yang diasingkan, diawasi dan dilarang mengarang serta menerbitkannya. Apa lagi beliau berkeras hati untuk menulis dengan huruf Arab untuk menjaga supata tidak lenyap dan dilupakan.

³ Abdullah Jawish berkata, “ Saya meninggalkan desa “Islam” setelah meghib dengan membawa risalah-risalah an-Nur yang disalin oleh al-Hafidh Ali di dalam koperku. Saya berjalan semalaman sehingga sampai di Barla pada waktu fajar dan saya melihat Ustadz sedang menunggu. Beliau menyembutku dengan gembira sekali. Kami solat Subuh berjama'ah, kemudian saya tidur. Keesokan harinya saya menerima naskah dari Ustadz dan meninggalkan Barla pada waktu malam hari supaya sampai di desa “Islam” dan menyerahkan maskah tersebut kepada al-Hafidh Ali. ” (Dari Son Sahitler, Jilid 1, ms. 69)

Ketika kelompok pengajian murid-murid Ustadz Said semakin meluas, risalah-
risalah ini sampai ke desa-desa dan daerah-daerah sekitar Barla. Risalah-
risalah tersebut tersebar dan dipelajari secara rahsia. Bahkan ia dibawa sampai ke kota-kota lain yang
jauh dan mendapat tempat di hati dan jiwa baru yang haus akan hidayah dan nur di
padang pasir yang panas dan gelap gulita itu.

Pemerintah mulai mengusir murid-murid an-Nur dan menyerbu serta menyiasat
tempat tinggal mereka. Murid-murid pun menerima tekanan-tekanan ini dengan lapang
dada dan keyakinan yang teguh bahawa penjara adalah harga yang paling murah yang
harus mereka bayar sebagai cukai iman dan bahawa penjara tiada lain hanyalah “sekolah
Tussuf” sebagaimana istilah Ustadz yang menyarikannya dari ayat suci dalam Surah
Yusuf :

“Kerana itu tetaplah dia (Yusuf) dalam penjara beberapa tahun lamanya.” (Surah
Yusuf: 42)

Berpuluh-puluh, kemudian beratus-ratus, bahkan beribu-ribu murid an-Nur, baik
lelaki mahupun wanita tekun menyalin Risalah-
risalah an-Nur siang dan malam dalam
tempoh yang panjang. Bahkan ada sebahagian dari mereka yang menghabiskan masa
tujuh tahun tidak meninggalkan rumahnya untuk melaksanakan tugas ini.

KAUM WANITA DI JALAN AN-NUR

Di dalam kampungnya, kaum wanita turut andil dengan efektif dan bersungguh-
sungguh. Para pemuda yang boleh menulis ikut andil menulis dan menyalin sedang
mereka yang tidak boleh menulis telah meniru tulisan itu iaitu menulis dengan cara
mengukir dan menggambar. Beberapa wanita datang kepada Ustadz Said Nursi dan
berkata, “Wahai Ustadz, agar kami mampu untuk ikut serta dan berkhidmat untuk
Risalah-
risalah an-Nur, kami telah mengambil keputusan untuk mengerjakan pekerjaan-
pekerjaan rumah untuk suami kami agar mereka dapat melapangkan sepenuh masa
mereka untuk meulis risalah-
risalah an-Nur.” (36)

Risalah-risalah an-Nur tersebar dengan cara demikian selama dua puluh tahun. Setelah itu ia dicetak pertama kalinya dengan Roneo.⁴ Ia tidak dicetak di pecetakan umum kecuali pada tahun 1956M. Ini tidak termasuk Risalah al-Hasyr kerana ia dicetak secara bersembunyi di istambul dengan perantaraan salah seorang muridnya.

GELOMBANG BARU

Gelombang memerangi islam semakin meningkat. Hampir setiap tahun ada keputusan baru atau “pencapaian baru” menurut istilah penguasa yang sebenarnya tidak lain dari merupakan unsur penghancur rukun Islam.

Pada tahun 1932M keluar perintah yang melarang adzan secara syara’ di turki. Adzan yang berkumandang sejak beratus-ratus tahun di seluruh pelusuk negara ini digantikan dengan bahasa Turki. Ia merupakan musibah baru yang membuat hati berdarah dan mata mennagis. Di mana kedudukan adzan yang menyejukkan hati dan mengkyusukkan jiwa itu dibandingkan dengan adzan yang membuat hati lari dan pandangan menjauh?

Di dalam kasjid kecil di mana Ustadz Badiuzzaman solat sebagai imam, para penduduk berkeras untuk mengumandangkan adzan dan iqamah dalam bahasa Arab di dalam masjid. Maka ketika berita yang membahayakan ini sampai ke telinga pegawai, pegawai tersebut segera mengatur orang-orangnya di dalam masjid. Mereka bersembunyi di tempat sembahyang kaum wanita supaya mereka dapat menangkap “para penjahat” ketika mereka sedang melakukan “kejahatan” tersebut. Akhirnya, para penduduk itu ditangkap dan mereka diring pada waktu malam dengan berjalan kaki, di jalan yang penuh dengan salji menuju ke Igridir.

Mari kita dengarkan salah seorang antara mereka iaitu mu’addzin masjid meriwayatkan kenangannya terhadap kejadian tersebut. Katanya, “Betapa mereka menyeksa kami dalam masalah adzan ketika mereka mewajibkan kami adzan dalam bahasa Turki. Di sana ada perintah untuk menggantikan adzan dengan bahasa Turki secara syara’ dan beberapa ulama’ ugama berkata, “Kita harus mentaati perintah ulil amri (penguasa).” Akan tetapi bagi saya, saya hanya berkata, “Saya tidak mengenal permainan yang disebut adzan Turki yang aneh ini. Bagaimana saya tahu bahawa suatu

⁴ Tempat di desa Sawah, dekat Sparta di mana terdapat seribu penulis Risalah-risalah an-Nur.

“pesta jeritan” telah disiapkan untuk saya?” Pada suatu hari mereka menyerbu masjid Ustadz Said Nursi. Mereka menangkap Abdullah Jawish, Mustafa Jawasih, Sulaiman dan Ali – aku, dan mereka mengusir yang lainnya. Mereka membawa kami ke kota Igridir dengan berjalan kaki di atas salji. Di sana kami dimasukkan ke dalam sel dan orang lain dilatangi bercakap-cakap dengan kami. Pada suatu hari kami dihadapkan kepada pendakwa utama. Di samping pendakwa itu ada dua pegawai polis berpangkat leftenan kolonel dan kolonel. Mereka berkata kepadaku,

“Menurut yang kami dengar, kamu telah memberi orang Kurdis ini (Ustadz Said Nursi) wang sebanyak seratus dua puluh lima lira emas. Berapa peralatan perang yang kamu beli dengan wang sebanyak itu?”

Saya menjawab, “Pemerintah Turki seperti sebuah kapal dan kalian lebih mengetahui apa yang masuk dan keluar dari kapal ini. Ustadz tidak mempunyai bom atau bedil. Beliau justeru ingin menyebarkan ketenangan dan kedamaian.”

Dia bertanya, “Apakah kamu mempunyai anak?”

Saya menjawab, “Ya.”

Katanya, “Jika kamu tidak berkata jujur dan tidak mengatakan yang sebenarnya, maka tiang gantung menunggumu!”

Kataku, “Orang ini (Ustadz Said) bukan orang apa-apa selain khadam Al-Qur’an. Apa yang boleh beliau lakukan dengan bom dan bedil? Bom dan bedil tiada lain adalah Al-Qur’an.”

Ketika mahkamah telah diadakan, hakim bertanya kepadaku, “Siapa yang mengumandangkan adzan dalam bahasa Arab?” Sya pura-pura tuli. Saya diam dan tidak menjawab. Seolah-olah saya tidak mendengar pertanyaannya. Hakim menoleh kepadaku dan bertanya, “Apakah namamu Sulaiman?” Saya menjawab, “Pada waktu malam dingin, kamu telah datang sehari sebelumnya.” Kata hakim, “Saya bertanya kepadamu, siapa namamu?” “Kamu telah tidur di khan, hai tuanku.” Hakim tersebut sangat marah. Dia menoleh lalu berkata, “Keluarkan banjingan ini.” (37)

DARI SPARTA KE PENANGKAPAN

Setelah kejadian itu Ustadz Said dipindahkan ke Sparta pada 1934M. beliau tinggal di sana beberapa bulan. Masa tersebut beliau gunakan untuk menulis Risalah-risalah an-Nur iaitu : risalah al-Iqtisad (ekonomi), risalah al-Ikhlas (ikhlas), risalah at-Tasattur (menutup aurat), al-Isyarat ath-Thalaathah (tiga isyarat), al-Mardha (orang-orang sakit) dan asy-Syuyukh (orang-orang tua). Semua risalah-risalah ini adalah dari al-Lama'at (kilauan cahaya) dan pada waktu yang sama al-Kalimat (kata-kata) dan al-Maktubat (tulisan-tulisan) juga sudah dikarang oleh beliau.

Pada suatu pagi di bulan April 1935M, sepasukan polis menyerang rumah Ustadz Said. Mereka lalu menangkap beliau setelah menyelidiki seluruh penjuru rumah yang sederhana itu. Dan pada hari yang sama, polisi-polisi lain menyerbu rumah seratus dua puluh orang murid an-Nur di berbagai daerah. Tangan mereka dan juga tangan Ustadz Said diikat. Mereka diiringkan ke penjara kota Aski Syahar untuk menunggu pengadilan terhadap mereka dengan tuduhan membentuk organisasi rahsia yang menentang penguasa dan berusaha menggulingkannya. (38)

Pemerintah telah mengambil langkah keamanan ketat di sepanjang jalan. Tentera-tentera dengan senjata lengkap mereka menguasai jalan Sparta – Afiyun. Seluruh kota Sparta berada di bawah pengawasan kolonel tentera.

Tuduhan terhadap mereka sangat berat, antara lain sebagai berikut:

1. Membentuk organisasi rahsia.
2. Berusaha menghancurkan pemberontakan pimpinan Kamal Attaturk.
3. Mendirikan tarekat sufi.
4. Membangkitkan semangat keagamaan dengan menyebarkan risalah “at-Tasathur li an-Nisa’ ”.

Jika tuduhan ini terbukti, maka hukumannya adalah mati. Dan mereka memang telah menyebarkan isu bahawa murid-murid an-Nur dan Ustadz mereka akan dihukum mati untuk menakut-nakutkan orang dan memperingatkan mereka agar tidak bergabung di dalam barisan murid-murid an-Nur.

KILAUAN CAHAYA DARI KEGELAPAN PENJARA : SEKOLAH YUSUF PERTAMA.

Ustadz Said Nursi merenguk di penjara terasing dengan tekanan-tekanan yang banyak supaya jiwanya terpengaruh. Namun, meskipun mendapat tekanan-tekanan tersebut, beliau tetap menulis risalah-risalah an-Nur. Di penjara ini beliau menulis “al-Lama’at” kedua puluh lapan, kedua puluh sembilan dan ketiga puluh serta “as-Syu’aat” pertama dan kedua. Di penjara ini pula ramai penjahat yang bertaubat kepada Allah Ta’ala dan mengikuti jalan yang lurus kerana pengaruh Ustadz.

Pengusutan yang panjang terhadap Ustadz dan murid-muridnya tidak menghasilkan suatu bukti yang dapat disandari untuk menghukum beliau atau murid-muridnya bersalah, akan tetapi mahkamah tetap menghukumnya sebelas bulan penjara kerana risalah beliau “at-Tasattur li an-Nisa’ ” iaitu “al-Lama’at” kedua puluh empat.

PEMBELAAN YANG TERKENAL

Di depan pengadilan Ustadz membela diri. (39) Berikut ini nukilan pembelaan beliau yang terkenal itu:

“Wahai para hakim sekalian! Saya dibawa ke sini dengan tuduhan bahawa saya seorang pembangkang yang emnjadikan agama sebagai alat untuk mengacaukan keamanan umum. Maka saya katakan kepada kalian: Sesungguhnya kemungkinan mengerjakan sesuatu itu tidak semestinya ia pasti terjadi dan tidak semestinya ia harus dicela. Korek api mungkin bisa membakar rumah akan tetapi kemungkinan ini tidak beerti bahawa ia telah melakukan kejahatan itu.

Sesungguhnya kesibukan saya dengan ilmu-ilmu Islam tidak ditujukan kecuali untuk mendapatkan keredhaan Allah Ta’ala. Tidak mungkin ditujukan untuk berkhidmat selain itu.

Kalian bertanya, “Apakah saya termasuk di kalangan orang yang sibuk dengan tarekat Sufi?” Maka saya menjawab, “Sesungguhnya zaman kita ini adalah zaman memelihara iman bukan memelihara tarekat. Ramai orang masuk syurga tanpa harus masuk tarekat sufi, akan tetapi tidak seorangpun yang masuk syurga tanpa iman.”

Kalian berkata, “Dari mana kamu mendapatkan harta untuk mengumpulkan orang-orang di sekitarmu dalam suatu organisasi?” Maka saya bertanya kepada mereka, “Dari mana mereka (polis) mendapatkan dokumen-dokumen yang membuktikan bahawa saya sibuk bekerja untuk suatu organisasi atau saya mengerjakan sebarang pergerakan yang memerlukan harta?”

Kalian menyanggah dengan mengatakan, “Saya bukan pegawai pada pekerjaan yang saya kerjakan. Untuk mengajar ada jabatan yang khusus dan saya harus meminta izin dahulu, maka saya katakan kepada kalian,”Jika seluruh pintu kubur ditutup dan kematian tidak wujud maka bolehlah izin itu hanya ada pada daerahmu. Akan tetapi kerana tiga puluh ribu jenazah setiap hari memanggil kematian dan setuju terhadap hukumnya, maka ini beerti bahawa di sana masih terdapat banyak tugas dan kewajipan yang lebih penting daripada yang ada di daerah dan kekuasaanmu.”(40)

SESUATU YANG ANEH JARANG BERLAKU

Ketika murid-murid an-Nur dan bukti-bukti yang menunjukkan kesalahan mereka sedang giat dicari dan diselidiki, ditemukan di antara risalah-risalah an-Nur sebuah buku yang kulitnya ditulis dengan kata-kata “Kembali ke Ramadhan” dengan tulisan tangan.

Siapa Ramadhan ini? Di mana dia bekerja? Kenapa sampai sekarang belum ditangkap? Tidak syak lagi, tentu dia orang penting kerana namanya tercatat pada salah satu buku! Semua murid an-Nur menafikan bahawa mereka mengenalinya. Hal ini menambahkan keyakinan bahawa dia adalah pembantu Said Nursi yang paling menonjol. Perintah waran dikeluarkan untuk menyelidiki seluruh desa dan kota yang berdekatan dan mengusut setiap rumah untuk menemukan orang yang menakutkan ini, Ramadhan.

Akhirnya di salah sebuah desa yang jauh ditemukan seorang lelaki yang sederhana, tidak boleh membaca dan menulis bernama Ramadhan. Dia ditangkap dan diiring dengan tangan dibelenggu dan pengawasan yang ketat ke penjara Aski Syahar. Meskipun orang yang patut dikasihani ini bersumpah beberapa kali bahawa dia tidak boleh membaca dan menulis dan bahawa dia tidak pernah melihat satupun dari risalah-risalah an-Nur sepanjang hidupnya dan bahawa dia belum pernah bertemu dengan Badiuzzaman, meskipun demikian, semua bantahan dan permohonannya lenyap diterbangkan hembusan angin. Dia merengkuh di dalam penjara selama dua bulan

sehinggalah seorang pegawai meneliti buku tersebut. Ternyata buku itu membahaskan tentang puasa dan adab serta hikmahnya pada bulan Ramadhan.(41)

PENGASINGAN BADIUZZAMAN KE KASTAMONA.

Setelah merengkuk di penjara Aski Syahar selama sebelas bulan, Badiuzzaman diasingkan ke kota Kastamona pada musim bunga 1936M. Beliau diiring ke balai polis. Di situ beliau merengkuk selama tiga bulan kemudian dipindahkan ke sebuah rumah kecil yang terletak tepat di depan balai polis supaya tetap dalam pengawasan. Rumah tersebut terdiri dari dua tingkat. Tingkat bawah adalah tempat kayu bakar, tingkat kedua terdiri dari dua kamar. Badiuzzaman membayar sendiri sewa rumah ini.

Beliau tinggal di Kastamona selama tujuh tahun. Waktu itu beliau gunakan untuk terus menulis risalah-risalah an-Nur seperti “as-Shu’a” (sinar) ketujuh, risalah “al-Ayah al-Kubra”⁵(tanda terbesar), demikian pula “ash-Shu’a” ketiga yaitu risalah “al-Munajah” (munajat), “ash-Shu’a” keempat, keenam⁶, kelapan, kesembilan dan catatan “ash-Shu’a” yang kelima.

⁵ Risalah “al-Ayah al-Kubra” adalah pemandangan seorang pengembara yang bertanya kepada alam tentang Penciptanya. Dia bertanya kepada langit, bintang, padang pasir, lautan dan seterusnya.. kemudian bertanya kepada ulama’, para wali, para nabi dan Rasulullah s.a.w.

⁶ Ash Shu’a’ Keempat adalah keterangan ayat: “Hasbunallah wa ni’mal wakil”. Ash-Shu’a’ Kelima khusus mengenai Dajjal dan fitnahnya di akhir zaman. Sedang Ash-Shu’a’ Keenam adalah keterangan mengenai “At-Tahiyyat lillah.”